

Ekspo Asean M&E dijangka jana jualan bernilai RM100 juta

[Sri Ayu Kartika Amri](#)

kartika@hmetro.com.my



ROSLI Isa (tengah) merasmikan Expo ASEAN M&E 2022 di Kuala Lumpur Convention Centre. Turut serta, Gerard Leewenburgh (kiri). FOTO Rohanis Shukri

Kuala Lumpur: Ekspo dwitahunan Asean M&E, pameran perdagangan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan tenaga terulung Asia Tenggara, dijangka menjana jualan sekurang-kurangnya RM100 juta bagi edisi ke-11 yang berlangsung selama tiga hari.

Pengurus Besar Negara Informa Markets Malaysia, Gerard Leeuwenburgh berkata, pameran yang berlangsung bermula semalam hingga 9 November itu berjaya menarik 150 syarikat dari 11 negara.

Katanya, terdapat empat pavilion utama antarabangsa dari Singapura, India, China dan Turkiye.

"Kami menjangkakan kehadiran pengunjung kira-kira 11,000 orang dari 60 negara sepanjang tiga hari pameran berlangsung.

"Pameran itu juga mengetengahkan teknologi generasi akan datang, termasuk Internet Pelbagai Benda (IoT) untuk Tenaga, kenderaan elektrik (EV) dan penyelesaian kecekapan tenaga terkini melalui automasi bangunan pintar, sistem penyejukan berpusat dan produk-produk berkaitan seperti stesen pengecasan.

"Ekspo ini bertujuan untuk meningkatkan lagi cita-cita peralihan tenaga di rantau ini.

"Kami melihat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pempamer dan pengunjung di pameran ini yang kembali ke tahap prapandemik dan percaya ia akan membantu mendapatkan perniagaan yang lebih baik kepada semua (pempamer) di sini," katanya kepada media di majlis pelancaran Ekspo dwitahunan Asean M&E di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Datuk Rosli Isa berkata, selama beberapa dekad, Malaysia mempunyai jejak yang kukuh dalam segmen kejuruteraan mekanikal dan peralatan (M&E) tenaga, serta pemanasan, pengudaraan, penyaman udara dan penyejukan.

Beliau berkata, segmen ini yang disokong oleh asas kukuh negara dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) menjadikan Malaysia destinasi menarik untuk pelabur jangka panjang.

"Bagi meletakkannya dalam perspektif, industri E&E negara disasarkan menyumbang RM120 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dan menjana pendapatan eksport sebanyak RM495 bilion menjelang 2025," katanya dalam ucapan di majlis pelancaran itu.

Platform seperti Asean M&E, TENAGA Tenaga dan Penyejukan, Pengudaraan dan Penyaman Udara (Revac) adalah satu langkah ke arah yang betul bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kukuh dan menyediakan rantau ini untuk mengurus trend mega yang berkembang dengan lebih baik.

Disiarkan pada: November 8, 2022 @ 8:10am
